

---

# KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL PENGETUA DAN MOTIVASI GURU

Nurliyana Azhar<sup>1</sup>, Norazah Mohd Nordin<sup>2</sup>, Norasmah Othman<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia  
E-mail: p111746@siswa.ukm.edu.my

---

## Abstrak

**Abstrak:** Kepimpinan instruksional pengetua di sekolah menengah merupakan antara fokus Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memastikan kualiti kepimpinan sekolah menjadi faktor kedua terpenting, selepas kualiti guru dalam proses menentukan keberhasilan murid. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif kerana menggunakan soal selidik skala likert lima poin sebagai instrumen untuk mengumpulkan data dan menggunakan Saiz Persampelan Krejcie dan Morgan (1970) untuk mewakili populasi yang dipilih. Lokasi kajian merupakan lima buah sekolah menengah terletak di Pusat Bandaraya Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus. Data dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Version 26. Objektif pertama iaitu mengenal pasti tahap amalan kepimpinan instruksional pengetua mengikut persepsi guru. Konstruk ini memperoleh 26.2% responden yang menyatakan Sangat Sangat Setuju (SSS) tentang tahap amalan kepimpinan instruksional pengetua menerusi persepsi guru manakala hanya 5.6% jumlah responden Sangat Tidak Setuju (STS). Objektif kedua pula mengenal pasti tahap motivasi guru. Konstruk ini mendapat 35.5% responden yang menyatakan Sangat Sangat Setuju (SSS) tentang tahap motivasi guru akan meningkat dan hanya 6.1% jumlah responden Sangat Tidak Setuju (STS). Objektif ketiga pula mengenal pasti hubungan kepimpinan instruksional pengetua dan motivasi guru dan memperoleh 42.5% responden yang menyatakan Sangat Sangat Setuju (SSS) hubungan kepimpinan instruksional pengetua dan tahap motivasi guru akan meningkat dan hanya 4.2% jumlah responden Sangat Tidak Setuju (STS). Hasil kajian ini didapati kepimpinan instruksional pengetua dan motivasi guru mempunyai tahap hubungan yang tinggi. Pengetua yang mempunyai tahap amalan kepimpinan instruksional yang tinggi akan mempengaruhi tahap peningkatan motivasi guru dalam melaksanakan tugas.

**Kata kunci:** Kepimpinan Instruksional, Instruksional, Motivasi

## Abstract:

**Abstract:** The instructional leadership of principals in secondary schools is one of the focuses of the Malaysian Ministry of Education (KPM) to ensure that the quality of school leadership becomes the second most important factor, after the quality of teachers in the process of determining student success. This study is a quantitative study because it uses a five-point likert scale questionnaire as an instrument to collect data and uses the Krejcie and Morgan (1970) Sampling Size to represent the selected population. The location of the study is five secondary schools located in Seremban City Center, Negeri Sembilan Darul Khusus. The data was analysed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Version 26 software. The first objective was to identify the level of the principal's instructional leadership practice according to the teacher's perception. This construct obtained 26.2% of respondents who expressed Strongly Agree (SSS) about the level of the principal's instructional leadership practice through teacher's perception while only 5.6% of total respondents Strongly Disagree (STS). The second objective is to identify the level of teacher motivation. This construct got 35.5% of respondents who expressed Strongly Agree (SSS) that the level of teacher motivation will increase and only 6.1% of total respondents Strongly Disagree (STS). The third objective is to identify the relationship between the principal's instructional leadership and teacher motivation and obtained 42.5% of respondents who stated that they strongly agree (SSS) that the relationship between principal's instructional leadership and teacher motivation will increase and only 4.2% of respondents strongly disagree (STS). The results of this study found that the principal's instructional leadership and teacher's motivation have a high level of relationship. Principals who have a high level of instructional leadership practice will influence the level of increased teacher motivation in carrying out assignments.

**Keywords:** Instructional, Instructional, Motivational Leadership

## I. PENGENALAN

Kepimpinan instruksional pengetua di sekolah menengah merupakan antara fokus Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memastikan kualiti kepimpinan sekolah menjadi faktor kedua terpenting, selepas kualiti guru dalam proses menentukan keberhasilan murid. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) mengandungi sebelas anjakan untuk transformasi sistem pendidikan negara dan anjakan kelima iaitu memastikan kepimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah. Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), menerusi Dokumen Awal Deskripsi Tugas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (2016) menggariskan bidang keberhasilan utama iaitu Kepimpinan Instruksional di mana memimpin organisasi bagi penambahbaikan kualiti pengajaran dan penambahbaikan pembelajaran murid. Pengetua merupakan pemimpin yang menjadi pendorong motivasi kepada guru – guru dalam mencapai sesuatu matlamat. Menurut Norazian (2015), pelbagai kaedah boleh dilakukan untuk memotivasikan guru – guru atau kakitangan sekolah seperti sesi menyelesaikan masalah atau kekangan dalam pengajaran dan pembelajaran, memupuk semangat berusaha kepada pelajar dan sentiasa meningkatkan prestasi. Guru tidak mempunyai motivasi di sekolah. Guru merupakan individu yang mempunyai kreativiti tetapi tidak akan kekal dan perlu dipupuk oleh sesuatu dorongan. Menurut Rizal dan Rehan (2017) guru tidak menyedari kepentingan kreativiti ini dalam proses pengajaran dan potensi kreativiti guru sendiri. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti amalan kepimpinan instruksional pengetua dan motivasi guru. mengikut objektif berikut: -

1. Mengenal pasti amalan kepimpinan instruksional pengetua menerusi persepsi guru.
2. Mengenal pasti tahap motivasi guru.
3. Mengenal pasti hubungan kepimpinan instruksional guru besar dan motivasi guru.

## II. KAJIAN LITERATUR

Menurut Rashidah, Mohd Izham dan Mohamed Yusoff (2022), kepimpinan instruksional berupaya meningkatkan motivasi guru melalui aktiviti – aktiviti dan dimensi yang terkandung dalam Model Kepimpinan Instruksional. Kalaichelvi dan Aida Hanim (2020); James Ang (2009) dalam kajian yang dijalankan menyatakan definisi instruksional berasal daripada perkataan Bahasa Inggeris iaitu instruction. Perkataan ini membawa maksud ajar. Secara umumnya, perkataan instruksional dihuraiakan sebagai pengajaran atau aktiviti mengajar sesuatu

perkara. Menurut Menaha dan Jamalul Lail (2020); Christine (2013), kepimpinan instruksional terbahagi kepada tiga langkah iaitu kepimpinan instruksional, kedua kepimpinan pengajaran guru dan yang ketiga kepimpinan instruksional terhadap guru. Mehmet Sisman (2016) dalam penyelidikan yang dijalankan menerangkan bahawa kepimpinan instruksional merupakan kuasa dan tingkah laku yang digunakan oleh pemimpin sekolah, guru dan penyelia sekolah untuk mempengaruhi individu dan keadaan di dalam sesebuah sekolah. Selain itu, Cecilie Skaalvik (2020) menyatakan tanggungjawab pengetua sekolah terhadap kepimpinan instruksional termasuk motivasi dan bimbingan guru, pembangunan matlamat dan visi sekolah serta pembangunan persekitaran pembelajaran yang memberangsangkan terhadap pelajar. Noor Asma dan Mohamed Yusoff (2017) dalam satu penyelidikan yang dijalankan merumuskan di mana tahap kepimpinan instruksional dan amalan pembangunan rekabentuk instruksional iaitu pengajaran oleh pengetua adalah tinggi meskipun sekolah tersebut berada di kawasan luar bandar.

Manakala motivasi pula menurut Alia Yashak et.al (2020) dalam satu kajian yang dijalankan, perkataan motivasi berasal daripada perkataan Inggeris iaitu motivation. Manakala perkataan motivation pula berasal daripada perkataan Latin yang bermaksud movere. Perkataan ini membawa maksud menggerakkan. Selain itu, Evonne dan Crispina (2017); MacIntyre, MacKinnon dan Clement, (2009) menyatakan bahawa motivasi merupakan konsep yang menghuraikan tentang kekuatan – kekuatan yang ada dalam diri pekerja atau kakitangan dan mendorong tingkahlaku yang melibatkan kepentingan, relevan, kejayaan atau kegagalan, kepercayaan dalam ganjaran, keputusan untuk terlibat, kegigihan, tahap aktiviti yang tinggi dan ini digambarkan sebagai 'enjin' yang menggerakkan 'sistem'. Menurut Norhannan dan Hafizhah (2022), guru yang memiliki motivasi tinggi akan menghasilkan sesuatu yang positif dari aspek tingkah laku dan tugas sebagai seorang guru. Selain itu, Donnie, Ravadhi, Edward dan Satinah (2018) dalam satu dimensi kajian yang dijalankan bahawa kepimpinan instruksional berfungsi menggalakkan pembangunan profesional paling ketara dan menjadi tanggungjawab guru besar untuk menggalakkan atau memotivasikan pembelajaran profesional dan pembangunan guru yang diperkukuhkan melalui Key Performance Index (KPI) mereka. Athalla Nauval Bhayangkara et.al (2020) dalam kajian yang dijalankan menyatakan kepimpinan instruksional dapat memberi impak yang besar terhadap pelaksanaan pengurusan perubahan terutama dalam meningkatkan keupayaan guru.

Tahap amalan kepimpinan instruksional dan motivasi guru menerusi kajian yang dijalankan Anrelson dan Azlin (2021) iaitu amalan kepimpinan

instruksional berpotensi untuk memastikan guru sentiasa bermotivasi tinggi dan mendorong dalam mencapai setiap objektif sebagai sekolah berkesan. Pada masa sama, Anusha dan Azlin (2021), menjelaskan bahawa kepimpinan instruksional secara efektif mampu meningkatkan komitmen guru dan keberkesanan sekolah. Guru yang memberi komitmen tinggi dalam tugas akan membantu dalam melaksanakan tanggungjawab di sekolah dan secara tidak langsung dapat menaikkan prestasi kerja serta pencapaian mereka sebagai guru. Prestasi dan pencapaian merupakan salah satu peringkat motivasi yang akan dicapai oleh guru – guru dalam perkhidmatan. Kajian – kajian lepas menunjukkan hubungan antara kepimpinan instruksional yang diamalkan oleh pemimpin – pemimpin sekolah dan motivasi guru di sekolah. Kempimpinan instruksional dan motivasi guru di sekolah. Sumiati dan Wuttichai Niemted (2020) dalam penyelidikan yang dijalankan menyatakan di mana peranan amalan kepimpinan instruksional pengetua adalah signifikan serta menunjukkan hubungan positif dengan efikasi guru terhadap kemahiran kumpulan dan efikasi sendiri guru.

### III. RESEARCH METHODOLOGY

Metodologi kajian yang digunakan adalah bukan jenis eksperimen tetapi berbentuk kajian deskriptif dan kajian korelasi. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif. Kajian deskriptif akan dilaksanakan bagi mengetahui maklumat demografi responden manakala kajian korelasi akan digunakan untuk mengukur hubungan di antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif kerana menggunakan soal selidik skala likert lima poin sebagai instrumen untuk mengumpulkan data. Kajian ini juga menggunakan Saiz Persampelan Krejcie dan Morgan (1970) untuk mewakili populasi yang dipilih. Lokasi kajian dipilih daripada lima buah sekolah menengah yang terdapat di Pusat Bandaraya Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus. Selain itu, data dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Version 26. Tahap kepimpinan instruksional diukur menggunakan soal selidik yang diapdatasi. Soal selidik ini mengandungi Skala Likert lima poin untuk setiap item digunakan untuk soal selidik tersebut. Pemilihan jawapan bermula daripada 1 (Sangat Tidak Setuju), 2 (Tidak Setuju), 3 (Neutral), 4 (Setuju) dan 5 (Sangat Sangat Setuju).

### IV. HASIL DAPATAN

#### Kebolehpercayaan Soal Selidik

Tahap kebolehpercayaan kajian dapat ditentukan dengan menggunakan interpretasi nilai Alpha Cronbach yang mempunyai julat antara 0.00 hingga 1.0. Sekiranya nilai julat menghampiri 1.0, ini menunjukkan tahap kebolehpercayaan berada pada tahap baik, tinggi, dan berkesan Hasil dapatan analisis kajian rintis mendapati, nilai kebolehpercayaan yang merujuk kepada nilai Alpha Cronbach adalah 0.99.

Kajian telah dijalankan dan instrumen kajian mengikut objektif kajian. Instrumen soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian konstruk iaitu B1 hingga B10, C1 hingga C10 dan D1 hingga D10. Setiap instrumen konstruk juga mengandungi sepuluh soalan. Konstruk B1 hingga B10 berkenaan objektif pertama iaitu mengenal pasti amalan kepimpinan instruksional pengetua menerusi persepsi guru. Konstruk C1 hingga C10 merupakan objektif kedua iaitu mengenal pasti tahap motivasi guru. Manakala konstruk D1 hingga D10 adalah objektif ketiga iaitu mengenal pasti hubungan kepimpinan instruksional pengetua dan motivasi guru.

#### Objektif 1: Menenal pasti amalan kepimpinan instruksional pengetua menerusi persepsi guru.

Jadual 1.1: Tahap amalan kepimpinan instruksional pengetua menerusi persepsi guru.

KONSTRUK	STS	TS	S	SS	SSS	MIN	SISIHAN PIAWAI
B1	12 (5.6%)	26 (12.1%)	59 (27.6%)	90 (42.1%)	27 (12.6%)	3.44	1.041
B2	12 (5.6%)	27 (12.6%)	46 (21.5%)	99 (46.3%)	30 (14.0%)	3.50	1.060
B3	10 (4.7%)	28 (13.1%)	52 (24.3%)	91 (42.5%)	33 (15.4%)	3.51	1.051
B4	13 (6.1%)	23 (10.7%)	49 (22.9%)	91 (42.5%)	38 (17.8%)	3.55	1.090
B5	12 (5.6%)	24 (11.2%)	50 (23.4%)	93 (43.5%)	35 (16.4%)	3.54	1.069
B6	13 (6.1%)	23 (10.7%)	73 (34.1%)	65 (30.4%)	40 (18.7%)	3.45	1.098
B7	11 (5.1%)	27 (12.6%)	71 (33.2%)	64 (29.9%)	41 (19.2%)	3.45	1.094
B8	12 (5.6%)	23 (10.7%)	80 (37.4%)	54 (25.2%)	45 (21.0%)	3.45	1.107
B9	10 (4.7%)	23 (10.7%)	71 (33.2%)	54 (25.2%)	56 (26.2%)	3.57	1.127
B10	12 (5.6%)	20 (9.3%)	60 (28.0%)	66 (30.8%)	56 (26.2%)	3.63	1.134

Tahap amalan kepimpinan pengetua menerusi persepsi guru diuji menggunakan konstruk B1 sehingga B10. Konstruk B10 mendapat min tertinggi iaitu 3.63 dan sisihan piawai 1.134. Selain itu, konstruk B10 memperoleh 26.2% responden yang menyatakan Sangat Sangat Setuju (SSS) tentang tahap amalan kepimpinan instruksional pengetua menerusi persepsi guru berbanding konstruk B4 yang memperoleh 5.6% jumlah responden Sangat Tidak Setuju (STS) tentang

amalan kepimpinan instruksional pengetua mengikut persepsi guru.

**Objektif 2: Mengenal pasti tahap motivasi guru.**

Jadual 1.2: Tahap motivasi guru.

KONSTRUK	STS	TS	S	SS	SSS	MIN	SISIHAN PIAWAI
C1	12 (5.6%)	23 (10.7%)	50 (23.4%)	84 (39.3%)	45 (21.0%)	3.59	1.104
C2	12 (5.6%)	21 (9.8%)	66 (30.8%)	70 (32.7%)	45 (21.0%)	3.54	1.099
C3	12 (5.6%)	24 (11.2%)	52 (24.3%)	62 (29.0%)	64 (29.9%)	3.66	1.178
C4	13 (6.1%)	22 (10.3%)	52 (24.3%)	61 (28.5%)	66 (30.8%)	3.68	1.188
C5	13 (6.1%)	23 (10.7%)	56 (26.2%)	73 (34.1%)	49 (22.9%)	3.57	1.135
C6	13 (6.1%)	22 (10.3%)	43 (20.1%)	76 (35.5%)	60 (28.0%)	3.69	1.162
C7	12 (5.6%)	24 (11.2%)	45 (21.0%)	82 (38.3%)	51 (23.8%)	3.64	1.129
C8	11 (5.1%)	24 (11.2%)	35 (16.4%)	85 (39.7%)	59 (27.6%)	3.73	1.134
C9	12 (5.6%)	23 (10.7%)	36 (16.8%)	83 (38.8%)	60 (28.0%)	3.73	1.147
C10	11 (5.1%)	24 (11.2%)	36 (16.8%)	67 (31.3%)	76 (35.5%)	3.81	1.185

Tahap motivasi guru diuji menggunakan konstruk C1 sehingga C10. Konstruk C10 mendapat min tertinggi iaitu 3.81 dan sisihan piawai 1.185. Selain itu, konstruk C10 memperoleh 35.5% responden yang menyatakan Sangat Sangat Setuju (SSS) tentang tahap motivasi guru akan meningkat. Manakala konstruk C4, C5 dan C6 memperoleh 6.1% jumlah responden Sangat Tidak Setuju (STS) bahawa motivasi guru akan meningkat dalam amalan kepimpinan instruksional oleh pengetua.

**Objektif 3: Mengenal pasti hubungan kepimpinan instruksional pengetua dan motivasi guru.**

Jadual 1.3: Tahap hubungan kepimpinan instruksional guru besar dan motivasi guru.

KONSTRUK	STS	TS	S	SS	SSS	MIN	SISIHAN PIAWAI
D1	10 (4.7%)	22 (10.3%)	39 (18.2%)	55 (25.7%)	88 (41.1%)	3.88	1.191
D2	10 (4.7%)	24 (11.2%)	35 (16.4%)	54 (25.2%)	91 (42.5%)	3.90	1.206
D3	10 (4.7%)	24 (11.2%)	47 (22.0%)	65 (30.4%)	68 (31.8%)	3.73	1.158
D4	10 (4.7%)	23 (10.7%)	48 (22.4%)	87 (40.7%)	46 (21.5%)	3.64	1.078
D5	11 (5.1%)	23 (10.7%)	45 (21.0%)	89 (41.6%)	46 (21.5%)	3.64	1.091
D6	11 (5.1%)	26 (12.1%)	44 (20.6%)	77 (36.0%)	56 (26.2%)	3.65	1.143
D7	10 (4.7%)	27 (12.6%)	40 (18.7%)	88 (41.1%)	49 (22.9%)	3.65	1.106
D8	9 (4.2%)	26 (12.1%)	36 (16.8%)	80 (37.4%)	63 (29.4%)	3.76	1.129
D9	9 (4.2%)	27 (12.6%)	32 (15.0%)	75 (35.0%)	71 (33.2%)	3.80	1.154
D10	10 (4.7%)	23 (10.7%)	33 (15.4%)	77 (36.0%)	71 (33.2%)	3.82	1.145

Hubungan kepimpinan instruksional pengetua dan motivasi guru diuji menggunakan konstruk D1 sehingga D10. Konstruk D2 mendapat min tertinggi iaitu 3.90 dan sisihan piawai 1.206. Konstruk D2 memperoleh 42.5% responden yang menyatakan Sangat Sangat Setuju (SSS) hubungan kepimpinan

instruksional pengetua dan tahap motivasi guru akan meningkat. Manakala konstruk D8 dan D9 memperoleh 4.2% jumlah responden Sangat Tidak Setuju (STS) bahawa motivasi guru akan meningkat dalam pelaksanaan atau amalan kepimpinan instruksional oleh pengetua.

**Perbincangan Kajian**

Tahap amalan kepimpinan instruksional pengetua sangat sangat dipersetujui oleh guru – guru. Kepimpinan instruksional pengetua amat penting dalam menentukan matlamat dan misi sekolah. Kepimpinan instruksional mempunyai peranan dalam proses penyeliaan dan penilaian dalam kemenjadian murid. Pengetua perlu mempunyai kepimpinan instruksional dalam urusan pentadbiran sekolah dan memastikan kecemerlangan serta prestasi sekolah meningkat. Kajian ini bertepatan dengan kajian Samsiah dan Khalip (2018) iaitu amalan kepimpinan instruksional menjadi perkara yang penting dalam menentukan kejayaan pencapaian sesebuah sekolah.

Tahap motivasi guru juga akan meningkat dengan tahap amalan kepimpinan instruksional pengetua. Guru – guru bersetuju bahawa motivasi mereka akan lebih meningkat. Hal ini disokong oleh kajian Ong Swee Ling dan Tan Chee Hian (2021) iaitu guru perlu diberi galakan dan motivasi serta sokongan yang lebih antaranya dari segi bentuk pengiktirafan. Guru akan lebih bermotivasi sekiranya hasil kerja mereka dihargai oleh pihak pengetua, sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Guru bersemangat dalam melaksanakan tugas seagai pendidik di sekolah. Guru juga menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Hubungan amalan kepimpinan instruksional dan motivasi guru mempunyai signifikan yang tinggi mengikut persepsi guru. Guru – guru bersetuju bahawa amalan kepimpinan instruksional pengetua dapat meningkatkan motivasi guru. Tahap hubungan ini diperkukuhkan dengan hasil kajian Farah dan Surryia (2021) iaitu responden bersetuju pemimpin mengiktiraf kerja kakitangan sekolah dan mempunyai keyakinan terhadap keupayaan guru, meningkatkan semangat guru, mempercayai potensi guru dan memupuk hubungan hormat antara pelajar dan guru serta menunjukkan sikap pemimpin instruksional ini dapat meningkatkan tahap motivasi guru. Hasil kajian yang dijalankan oleh Seyithan (2021) turut menunjukkan hubungan yang signifikan antara kepimpinan instruksional dan motivasi berdasarkan persepsi guru.

**Implikasi Kajian**

Implikasi kepada Kementerian Pendidikan Malaysia adalah kepemimpinan instruksional pengetua di sekolah mempunyai hubungan dengan tahap motivasi guru – guru di sekolah di mana amalan kepemimpinan instruksional merupakan antara fokus Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) adalah untuk memastikan kualiti kepemimpinan sekolah menjadi faktor kedua terpenting, selepas kualiti guru dalam proses menentukan keberhasilan murid.

Implikasi kepada pengetua sekolah amat penting dalam mencapai mempunyai kepemimpinan berprestasi tinggi seperti yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu kategori pemimpin sekolah dalam Bidang Keberhasilan Utama Dalam Deskripsi Tugas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) iaitu Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2016).

Implikasi kepada guru amat penting kerana dapat meningkatkan tahap motivasi guru. Hal ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Nik Badrul Hisham dan Mastura Mahfar (2015) iaitu kejayaan pengetua dalam gaya kepemimpinan yang bersesuaian mampu membantu motivasi guru berada pada tahap tinggi secara tidak langsung guru berjaya melaksanakan tugas.

#### Cadangan Kajian

Kajian ini dicadangkan sebagai rujukan terhadap amalan kepemimpinan instruksional di sekolah dan tahap motivasi guru. Seterusnya, kajian boleh dipanjangkan pada masa hadapan. Kajian lebih mendalam tentang beberapa isu kepemimpinan instruksional dan motivasi guru. Penyelidikan terperinci tentang kualiti kepemimpinan instruksional dan fokus kepemimpinan instruksional terhadap motivasi guru boleh dilanjutkan menerusi penyelidikan pada masa akan datang. Selain itu, kajian ini juga boleh dikembangkan dengan aplikasi Model Hallinger iaitu Model Kepimpinan dan Teori Maslow iaitu teori motivasi.

#### V. KESIMPULAN

Hasil kajian ini didapati kepemimpinan instruksional pengetua dan motivasi guru mempunyai tahap hubungan yang tinggi. Secara keseluruhannya tahap amalan kepemimpinan instruksional pengetua mempunyai persepsi guru yang tinggi iaitu sangat setuju. Tahap motivasi guru didorong oleh amalan kepemimpinan instruksional oleh pengetua di mana motivasi guru akan meningkat. Seterusnya amalan kepemimpinan instruksional dan tahap motivasi guru akan meningkat seperti yang dipersetujui oleh guru – guru. Menurut Jamalulail dan Zawiah Kamad (2007) gaya kepemimpinan pengetua mempunyai perkaitan dengan tahap motivasi guru. Oleh itu,

pengetua yang mempunyai tahap amalan kepemimpinan instruksional yang tinggi akan mempengaruhi tahap peningkatan motivasi guru dalam melaksanakan tugas.

#### RUJUKAN [IEEE FORMAT]

- [1] Kementerian Pendidikan Malaysia (2016), Dokumen Awal Deskripsi Tugas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (2016)
- [2] Ab. Razak. Norazian, Kemahiran Kepemimpinan Pengajaran Pengetua dan Tahap Motivasi Guru, Pemimpin Pendidikan, Volume 3, page 88-106, 2015
- [3] M. Mohd Rizal and M. Rehan, Tinjauan Terhadap Faktor – Faktor Yang Memberi Motivasi Kepada Kreativiti Guru Dalam Pengajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Di Enam Buah Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Johor Bahru, 2017.
- [4] O. Rashidah, H. Mohd Izham and M. Mohamed Yusoff, Amalan Kepimpinan Instruksional Guru Besar Dan Hubungannya Dengan Motivasi Guru Sekolah Rendah (Headmaster Teacher Instructional Leadership Practice And Its Relationship Practice With Primary School Teacher Motivation), Jurnal Dunia Pendidikan; e-ISSN:2682-26X|Vol.4,No.1,1-12,2022, <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>, DOI:<https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.1>, 2002.
- [5] B. Kalaichelvi and Aida Hanim, Amalan Kepimpinan Instruksional Pengetua Di Sekolah Menengah Di Bandar Banting, International Journal of Education and Pedagogue-ISSN: 2682-8464 | Vol. 2, No. 1,264-284, <http://myjms.moe.gov.my/index.php/ijeap2> 64, 2020.
- [6] R. Menaha and JamalulLail, Amalan Kepimpinan Instruksional Guru Besar Di Sekolah Kebangsaan Daerah Kuala Langat, Jurnal Dunia Pendidikan, e-ISSN: 2682-826X | Vol. 2, No. 2, 1-8; <http://myjms.moe.gov.my/index.php/jdpd>, 2020.
- [7] S. Mehmet, Factors Related To Instructional Leadership Perception and Effect Of Instructional Leadership on Organizational Variables: A meta-analysis. Educational Sciences: Thoery & Practice, 16(5), 1761–1787. <http://doi.org/10.12738/estp.2016.5.0172>, 2016.
- [8] S. Cecilie, Self-Efficacy for Instructional

- Leadership: Relations With Perceived Job Demands and Job Resources, Emotional Exhaustion, Job Satisfaction, And Motivation to Quit, *Social Psychology of Education*, 23:1343–1366, <https://doi.org/10.1007/s11218-020-09585-9>, 2020.
- [9] Noor Asma Ismail dan Mohamed Yusoff Mohd Nor, Tahap Kepimpinan Instruksional Dan Rekabentuk Instruksional Pengetua Di Sekolah–Sekolah Menengah Daerah Pendang, Kedah, *JURNAL WACANA SARJANA*, Jilid 1(1) Dis 2017: 1: 13, 2017.
- [10] Y. Alia, YS. Mohamad Syafiq, M. Mohd Haniff, M. Dianna Suzieanna, M. Mohamad Shah, Mohd Faisal Mohamed, Faktor Motivasi Teori Dua Faktor Herzberg dan Tahap Motivasi Guru Pendidikan Islam; Herzberg Two-Factor Theory's Motivation Factor and the Islamic Studies Teachers Motivation Level, *Sains Insani eISSN: [0127-7871]*, 2020.
- [11] L.Evonne dan KH. Crispina Gregory, Hubungan Kepimpinan Pengetua Dengan Motivasi Guru (The Relationship of Principals' Leadership with Teachers' Motivation), Volume: 2 Issues: 5 [September, 2017] pp.145-159], *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, eISSN: 0128-164X, Journal website: [www.ijepc.com](http://www.ijepc.com), 2017.
- [12] R. Norhannan dan Z. Hafizhah, Tahap Kesiapan Dan Motivasi Guru Pendidikan Islam Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Atas Talian, *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, Volume 2, Issue 2, 2022, e-ISSN: 2785-9088, 2022.
- [13] A. Donnie, P. Ravadhi, D. Edward dan A. Satinah, Amalan impinan Instruksional Guru Besar Di Sekolah Vernakular Negeri Selangor Dan Wilayah Persekutuan, *MANU Bil. 28, 109-132*, 2018 (Disember), E-ISSN 2590-4086, 2018.
- [14] B. Athalla Nauval, A. Wildan Hafizh, F. Dandy Bayu, P. Dedi, S. Raden Bambang, The Role of Instructional Leadership Through Kurt Lewin Model in Improving the Teacher Capability, *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, volume 487, Proceedings of the 2nd Early Childhood and Primary Childhood Education (ECPE 2020), 2020.
- [15] N. Anrelson and M. Azlin, Amalan Kepimpinan Instruksional Guru Besar Terhadap Motivasi Guru Di Sekolah Rendah Daerah Sri Aman, Sarawak, *International Conference on Business Studies and Education (ICBE)*, e-ISBN: 978-967-18414, 137, 2021.
- [16] S. Anusha and M. Azlin Norhaini, Kertas Kajian: Kepimpinan Instruksional Guru Besar Dan Komitmen Guru Di Zon Mantin, Negeri Sembilan, *International Conference on Business Studies and Education (ICBE)*, e-ISSN: 2785-9479, 2021.
- [17] Sumiati and N. Wuttichai, The Impact of Instructional Leadership On Indonesian Elementary Teacher Efficacy, *Ilkogretim Online - Elementary Education Online*, 2020;19 (4): pp. 2335-2346, <http://ilkogretim-online.org.tr>, doi:10.17051/ilkonline.2020.764244, 2020.
- [18] R. Samsiah and M. Khalip, Amalan Kepimpinan Instruksional Dan Keberkesanan Penerapan Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Pdpc Terhadap Pencapaian Sekolah: Isu Dan Persoalan, *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan*, Jilid 33 Bil.02, ISSN 1511-4147, 2018.
- [19] S.L Ong and C.H.Tan, Tinjauan Sikap Dan Motivasi Guru Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Jasmani Dan Pendidikan Kesihatan Di Sebuah Sekolah Selangor, <https://www.researchgate.net/publication/349238539>, 2021.
- [20] N. Farah and R. Surraya, Effective Instructional Leadership Can Enhance Teachers' Motivation and Improve Students' Learning Outcomes, *Sir Syed Journal of Education & Social Research*, Vol. 4, Issue 1, 2021 (January – March), ISSN 2706-6525 (online), ISSN 2706-8285 (Print), ISSN 2706-9362 (CD-ROM), ISSN 2706-6525 (ISSN-L), DOI: [https://doi.org/10.36902/sjesr-vol4-iss1-2021\(477-485\)](https://doi.org/10.36902/sjesr-vol4-iss1-2021(477-485)), 2021.
- [21] D. Seyithan, School Principals' Instructional Leadership as a Predictor of Teacher Motivation. i.e.: *inquiry in education*: Vol. 13: Iss. 2, Article 6, Retrieved from: <https://digitalcommons.nl.edu/ie/vol13/iss2/6>, 2021.
- [22] Kementerian Pendidikan Malaysia, Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan oleh Kementerian Pendidikan

- Malaysia, 2016.
- [23] H. Nik Badrul and M. Mastura, Hubungan Antara Gaya Kepimpinan Pengetua Dengan Motivasi Dalam Kalangan Guru SMK Harian Daerah Kluang, Johor, Sains Humanika 5:1 (2015) 9–18, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, 2015.
- [24] A.W. Jamalulail and K. Zawiah, Hubungan Antara Gaya Kepimpinan Pengetua Dengan Motivasi Guru Sekolah Menengah Agama, Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan, 17(02).pp.67-68. ISSN 1511-

4147, 2007.

### PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada pihak Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), penyelia – penyelia kertas projek dan penulisan akademik di atas bimbingan yang diberikan dalam penulisan ini.

### AUTHOR'S INFORMATION

<b>First Author: Nurliyana</b> 	Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia E-mail: p111746@siswa.ukm.edu.my
<b>Second Author: Norazah</b> 	Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia E-mail: drnmn@ukm.edu.my
<b>Third Author: Norasmah</b> 	Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia E-mail: lin@ukm.edu.my